

## **9. GARISPANDUAN PERMOHONAN LOJI MEMBANCUH SIMEN**

- A. JIKA "BATCHING PLANT" HENDAK DIDIRIKAN DI ATAS TAPAK PROJEK YANG TELAH DILULUSKAN.
1. Permohonan perlu dibuat oleh syarikat pembekal kepada Jabatan Pelesenan.
  2. Kemukakan 6 salinan pelan lokasi dan pelan struktur dengan tandatangan, nama dan alamat tuan tanah dan syarikat pembekal di atas setiap pelan.
  3. Sertakan surat kelulusan dari Jabatan Alam Sekitar.
  4. Sertakan surat kelulusan dari Jabatan Kilang dan Jentera.
  5. Sertakan surat kelulusan dari Jabatan Kerja Raya (jika di kawasan luar bandar).
  6. Setiap salinan pelan mestilah disertai di atas pelan dengan pengesahan Jurutera berdaftar tentang kekuahan dan keselamatan struktur dan beliau bertanggungjawab ke atas kekuahan dan keselamatan struktur tersebut.
  7. Jika semua jabatan berkenaan tiada bantahan :-
    - (a) Jabatan Bangunan akan keluarkan permit bagi struktur yang akan didirikan bagi tempoh satu tahun dan boleh diperbaharui setiap tahun;
    - (b) Jabatan Pelesenan akan keluarkan lesen selepas kelulusan Majlis.
- B. JIKA "BATCHING PLANT" HENDAK DIDIRIKAN DI ATAS TAPAK TANPA APA-APA PROJEK DILULUSKAN OLEH MAJLIS.
1. Permohonan hendaklah ditolak oleh Jabatan Pelesenan selepas pengesahan oleh Jabatan Bangunan.
  2. Jika terdapat rayuan atas sebab-sebab tertentu yang boleh dipertimbangkan, maka Permohonan Merancang hendaklah dikemukakan ke Jabatan Perancangan Bandar dan Permohonan Merancang diproses seperti biasa tanpa pra-sangka.
  3. Jika Permohonan Merancang diluluskan, prosidur A (1-7) di atas perlulah dipatuhi.
- C. JIKA "BATCHING PLANT" HENDAK DIDIRIKAN BERSAMA-SAMA DENGAN BANGUNAN SEKALI
1. Permohonan Merancang dan Pelan Bangunan hendaklah dikemukakan ke Unit Pendaftaran Pelan dan diproses seperti pelan biasa untuk pertimbangan Jawatankuasa Tetap Perancang & Bandar.
- D. "BATCHING PLANT" YANG DIRIKAN TANPA KEBENARAN MAJLIS.
1. Jika didirikan di tapak projek yang diluluskan, notis di bawah Seksyen 72, Akta Jalan Parit & Bangunan 1974 akan dikeluarkan dan diikuti dengan tindakan sumari sama ada meroboh struktur tersebut atau di bawa ke mahkamah.
  2. Jika didirikan selain dari tapak projek yang diluluskan, tindakan diambil di bawah Seksyen 19, Akta Perancangan Bandar & Desa 1976 oleh Jabatan Perancangan Bandar dengan membawa pesalah ke mahkamah.

Tarikh Kuatkuasa

Garispanduan ini diluluskan oleh Majlis pada 17-9-96 dan dikuatkuasakan serta-merta.

(Diluluskan pada 13-3-80, 14-5-81, 7-7-83 & 6-8-96)